



## KRITERIA ANUGERAH MEDIA KEMPEN “BLUE RIBBON” 2018

### OBJEKTIF ANUGERAH MEDIA KEMPEN “BLUE RIBBON”

- a. Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan asap rokok pasif dan hak mendapatkan udara bersih tanpa asap rokok dan bebas sebarang bentuk amalan merokok termasuk vape & shisha
- b. Hak Bukan Perokok: Udara Bersih Tanpa Asap Rokok (Asap Rokok Pasif).
- c. Cadangan/Pelaksanaan/Polisi ke arah melindungi orang awam daripada Asap Rokok Pasif.

### Kriteria Khusus

#### i. Media Cetak & Media Sosial

- a. Terbuka kepada semua pengamal media Malaysia sahaja.
- b. Karya yang tidak menerima sebarang bentuk bantuan/sumbangan/tajaan atau dipengaruhi oleh industri tembakau dan alkohol.
- c. Karya yang berteraskan kepada **objektif “Blue Ribbon”**.
- d. Karya kesihatan yang diterbitkan adalah berdasarkan kepada fakta, membawa kesan positif dengan gaya penulisan yang baik dan penyelidikan yang mendalam dilaksanakan.
- e. Tema karya yang disiarkan adalah berkaitan isu-isu yang berteraskan objektif *“Blue Ribbon”* dan membawa kesan kepada komuniti.
- f. Karya yang diterbitkan antara **1 Januari 2018 hingga 30 Jun 2018**.
- g. Hanya karya asli sahaja layak untuk penyertaan.
- h. Terbuka kepada semua jenis bahasa.

#### ii. Media Penyiaran

- a. Terbuka kepada semua pengamal media **Malaysia** sahaja.
- b. Produksi adalah tidak menerima sebarang bentuk bantuan/sumbangan/tajaan atau dipengaruhi oleh industri tembakau dan alkohol.
- c. Produksi adalah berteraskan kepada **Objektif “Blue Ribbon”**.
- d. Menghasilkan dan menyiarkan program/berita/laporan/dokumentari kesihatan.
- e. Produksi hendaklah berpotensi dalam menyampaikan mesej yang tepat dan betul dan melaksanakan penyelidikan yang menarik dan mendalam.
- f. Hasil produksi adalah memenuhi spesifikasi kualiti penyiaran.
- g. Produksi hendaklah menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan pengetahuan kepada komuniti.
- h. Produksi adalah disiarkan mulai **1 Januari 2018 hingga 30 Jun 2018**.
- i. Segment Kesihatan dalam program utama lain (contoh: MHI, Selamat Pagi Malaysia) boleh dipertimbangkan untuk penyertaan.
- j. Terbuka kepada semua jenis bahasa.